



KEMENTERIAN PELAJARAN DAN INOVASI

Aras Bawah, 6, 8 – 11 dan 13
Wisma Bandaraya, Jalan Masjid Lama, 88000 Kota Kinabalu
Telefon : 088-288325/288326/288327 Faks : 088-269071

KENYATAAN SEBUTHARGA TERBUKA

1. Sebutharga ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah (**PUKONSA**) ATAU Perbendaharaan Malaysia Sabah (**PMS**) untuk melaksanakan kerja-kerja seperti dalam jadual berikut:

BIL	NOMBOR SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BEKALAN / BIDANG
1	K-Pi/3P: 2018/01 (Tawaran kali ke-2)	Untuk Melaksana Program Ekspo Pekerjaan Sabah 2018	PUKONSA : 220204 PMS : 221305
2	K-Pi/KIT: 2018/08	Untuk Melaksana Projek Kreatif Arama-iT: Program Inovasi ROBONEO 2018	PUKONSA : 220204 ATAU 210105 PMS : 221305
3	K-Pi/KIT: 2018/09	Untuk Melaksana Projek Kreatif Arama-iT: Program Inovasi CODEFEST 2018	
4	K-Pi/KIT: 2018/10	Untuk Melaksana Program Usahawan Pembangun Media Rekreasi Digital 2018	

2. Kontraktor adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi **Taklimat Pelaksanaan Kerja** sebelum membeli dokumen Sebutharga. Kontraktor yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa taklimat adalah tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Sebutharga ini. Taklimat akan dilaksanakan pada **29 Ogos 2018 (Rabu)**, tepat jam **2.30 petang** bertempat di Bahagian Kemajuan IT, Kementerian Pelajaran dan Inovasi, Aras 6, Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu.
3. Dokumen Sebutharga ini boleh didapati sebaik sahaja sesi taklimat selesai diadakan dengan harga RM20.00 (tidak dikembalikan). Untuk maksud ini, kontraktor hendaklah membawa **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh PUKONSA/PMS dan membekalkan satu salinan sijil untuk tujuan rekod Kementerian Pelajaran dan Inovasi.
4. Semua dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama dengan profil syarikat dan salinan semua sijil pendaftaran/lesen berkaitan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk Sebutharga di sudut kiri sampul tersebut dan dialamatkan kepada :
- Pengerusi**
Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Kementerian Pelajaran dan Inovasi
Aras 8, Wisma Bandaraya, 88000 KOTA KINABALU
5. Dokumen Sebutharga mestilah dikembalikan tidak lewat daripada jam **10:00 pagi** pada **12 September 2018 (Rabu)** dan dimasukkan ke dalam peti Sebutharga yang telah disediakan di **Kementerian Pelajaran dan Inovasi, Aras 8, Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu.**
6. Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga.
7. Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai pelaksanaan sebutharga, kontraktor adalah dijemput untuk menghubungi Urusetia Projek di talian telefon : 088-288325/6/7.